



03 FEB, 2021

Gadai nyawa untuk nampak cantik

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 3

Niat untuk cantik boleh rosakkan
fungsi hati, buah pinggang

Minuman kolagen pembunuh senyap

AMALAN pengambilan minuman kecantikan
mengandungi kolagen yang berlebihan dikhuatiri
boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan.

KETAKSUBAN untuk kelihatan cantik dengan
mengamalkan pengambilan produk minuman kolagen
yang dijual di gerai-gerai jamu bukan sahaja memberi
kesan sampingan kepada kesihatan, malah dikhuatiri
boleh membawa maut.

Pegawai Dietetik Pusat Pengajian Sains Kesihatan,
Universiti Sains Malaysia (USM), Ismajuliawati Ismail
mendedahkan, rutin harian pengambilan produk

berkecenderungan akan membebankan fungsi hati,
sekali gus menyebabkan organ penting itu
mengalami kecederaan.

"Kolagen akan diuraikan kepada amino asid dan
pengambilan secara berlebihan juga boleh menyebabkan
kegagalan buah pinggang," katanya.

► LAPORAN DI MUKA 2



03 FEB, 2021

Gadai nyawa untuk nampak cantik

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 3

Kandungan minuman kolagen berbahaya, risiko rosakkan buah pinggang

Gadai nyawa untuk nampak cantik

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PETALING JAYA - Trend pengambilan minuman kecantikan dalam kalangan masyarakat terutama golongan wanita dibimbangi akan memberi kesan jangka panjang kepada aspek kesihatan sehingga boleh membawa maut.

Produk berkenaan yang didakwa sesetengah pihak mampu menambah kecantikan semula jadi selain meningkatkan kecergasan badan turut dijual secara berleluasa di gerai-gerai jamu tanpa kawalan.

Pegawai Dietetik Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Ismajuliawati Ismail berkata, rutin harian pengambilan produk kecantikan seperti minuman kolagen sebenarnya boleh membekalkan fungsi hati.

Katanya, ia menyebabkan organ penting itu mengalami kecederaan ekoran perlu bekerja keras untuk memproses kolagen berkenaan.

"Kolagen juga akan diuraikan kepada amino asid malah pengambilan secara berlebihan akan menyebabkan kegagalan buah pinggang.

"Sesetengah kolagen turut mengandungi kalsium dan memudaratkan kesihatan khususnya kepada penghidap masalah buah pinggang jika diambil berlebihan," katanya kepada *Kosmo!* di sini baru-baru ini.



ANTARA produk minuman kecantikan yang dijual di premis-premis perniagaan di sekitar ibu negara.

Tinjauan di beberapa kedai jamu di ibu negara juga mendapati banyak produk minuman kecantikan khususnya berasaskan kolagen dijual secara terbuka.

Kandungan kolagen di dalam produk kecantikan didakwa mampu memberikan pelbagai manfaat kepada kulit terma-

suklah mencerahkan, mengangjal, merawat jerawat, awet muda serta memudarkan parut.

Antara bahan terlarang yang sering digunakan di dalam produk itu termasuklah merkuri, paracetamol, hydroquinone, sibu-tramine dan tretinoin.

Katanya, minuman kecan-

Kesan minuman kecantikan kolagen

- Berkemungkinan mengandungi beberapa kandungan berbahaya seperti merkuri, hydroquinone, sibu-tramine, paracetamol dan tretinoin
- Merkuri boleh menyebabkan pengguna mengalami komplikasi organ penting termasuk mematikan fungsi otak
- Merkuri masuk ke dalam tubuh dan tersimpan dalam saluran darah melalui makanan serta minuman
- Hydroquinone pula boleh meningkatkan risiko kanser kulit selain menyebabkan kemerahan pada organ itu

tikan juga mengandungi kandungan gula tinggi serta boleh menyebabkan masalah seperti obesiti, kencing manis dan jantung jika diminum setiap hari.

"Purata gula untuk satu sajian minuman itu dianggarkan sebanyak 15 hingga 20 gram (kira-kira empat sudu) dan pengambilan kerap menyebabkan terjadi am-bilan tenaga berlebihan.

"Tenaga berlebihan itu hasil daripada kandungan gula dan krim kerana setiap paket mengandungi sehingga 150 hingga 200 kalori. Jika diambil tiga paket sehari, jumlahnya bersamaan 600 kalori," ujarnya.

Sementara itu, pegawai perubatan MAA Medicare Sdn. Bhd., Dr. Mohamad Shazli mendedah-

kan, ada beberapa kes pesakit berdepan masalah kegagalan buah pinggang akibat ketaksu-buan untuk kelihatan cantik.

Menurutnya, ada individu terutamanya golongan muda berusia antara 19 hingga 25 tahun mula mendapatkan rawatan dialisis selepas mengamalkan produk tidak disahkan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Keadaan itu sebenarnya turut dipengaruhi oleh sikap pengguna mudah terpengaruh dengan iklan produk.

"Ada juga produk yang menjadikan artis sebagai duta untuk melarikan jualan," ujarnya.

Katanya, produk minuman kecantikan diluluskan KKM akan diberikan satu logo hologram 3D sebagai langkah pemantauan terhadap produk berkenaan.

Dalam pada itu, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menggesa KKM memantau penjualan produk minuman kecantikan bagi mengelakkan kekeliruan.

Timbalan Presidennya, Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, ada sesetengahnya hanya dikelaskan sebagai produk minuman tetapi mendakwa mempunyai pelbagai kelebihan termasuk untuk kecantikan.

"Ini akan menimbulkan kekeliruan pengguna kerana pengasas tidak mahu mengisytiharkannya sebagai produk kecantikan kerana perlu mendapat kelulusan KKM," katanya.



03 FEB, 2021

Gadai nyawa untuk nampak cantik

Kosmo, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

KETAKSUBAN untuk kelihatan cantik dengan mengamalkan pengambilan produk minuman kolagen yang dijual di gerai-gerai jamu bukan sahaja memberi kesan sampingan kepada kesihatan, malah dikhuatiri boleh membawa maut. Pegawai Dietetik Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Ismajuliawati Ismail mendedahkan, rutin harian pengambilan produk

berkekaan akan membebankan fungsi hati, sekali gus menyebabkan organ penting itu mengalami kecederaan. "Kolagen akan diuraikan kepada amino asid dan pengambilan secara berlebihan juga boleh menyebabkan kegagalan buah pinggang," katanya.